



30 Jun 2026
30 June 2026
P.U. (A) 244

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DALAM
TALIAN (PELAN KESELAMATAN DALAM TALIAN) 2026

*ONLINE SAFETY (ONLINE SAFETY PLAN)
REGULATIONS 2026*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN 2025

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DALAM TALIAN
(PELAN KESELAMATAN DALAM TALIAN) 2026

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 81(2)(c) Akta Keselamatan dalam Talian 2025 [*Akta 866*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Keselamatan dalam Talian (Pelan Keselamatan dalam Talian) 2026**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2026.

Tempoh untuk menyediakan Pelan Keselamatan dalam Talian

2. (1) Pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen hendaklah menyediakan suatu Pelan Keselamatan dalam Talian dan mengemukakan sesalinan Pelan Keselamatan dalam Talian itu kepada Suruhanjaya dalam tempoh satu ratus lapan puluh hari dari tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), bagi pemberi perkhidmatan aplikasi dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan yang dilesenkan selepas tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini, Pelan Keselamatan dalam Talian hendaklah disediakan dan sesalinan Pelan Keselamatan dalam Talian itu hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya dalam tempoh satu ratus lapan puluh hari dari tarikh kuat kuasa lesen yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

(3) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini, pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen hendaklah memastikan bahawa Pelan Keselamatan dalam Talian yang disediakan di bawah subperaturan (1) atau (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, selalu dikemas kini dan hendaklah mengemukakan sesalinan Pelan Keselamatan dalam Talian

yang dikemas kini itu kepada Suruhanjaya setiap tahun, termasuk pada bila-bila masa terdapat apa-apa perubahan material terhadap perkhidmatannya atau kewajipan pematuhannya.

Bentuk dan maklumat bagi Pelan Keselamatan dalam Talian

3. Pelan Keselamatan dalam Talian yang disebut dalam peraturan 2 hendaklah disediakan dalam bentuk sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual dan mengandungi maklumat sebagaimana yang dikehendaki dalam ruang (3) Bahagian A dan ruang (4) Bahagian B Jadual.

Pegawai Keselamatan dalam Talian

4. Pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen hendaklah melantik seorang atau lebih pegawai Keselamatan dalam Talian bagi memastikan pematuhan terhadap Pelan Keselamatan dalam Talian.

Kesalahan

5. Mana-mana pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen atau pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen yang melanggar mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi satu juta ringgit.

JADUAL
[Peraturan 3]

AKTA KESELAMATAN DALAM TALIAN 2025

PERATURAN-PERATURAN KESELAMATAN DALAM TALIAN
(PELAN KESELAMATAN DALAM TALIAN) 2026

PELAN KESELAMATAN DALAM TALIAN

Bahagian A: Maklumat am pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen

(1)	(2)	(3)
Bil.	Butir-butir	Maklumat pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen*
1.	Nama pemberi perkhidmatan	:
2.	Nombor lesen pemberi perkhidmatan	:
3.	Tarikh kuat kuasa lesen	:
4.	Jenis perkhidmatan	:
5.	Tarikh perkhidmatan disediakan	:
6.	Tarikh kemas kini terakhir Pelan Keselamatan dalam Talian	:

Bahagian B: Kewajipan pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen menurut Bahagian III Akta

(1)	(2)	(3)	(4)
Bil.	Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	Maklumat pematuhan*
Pengurangan risiko pendedahan kepada kandungan memudaratkan			
1.	Kewajipan untuk melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan risiko pendedahan kepada kandungan memudaratkan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 13 Akta	(a) perincian mengenai tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen dalam mematuhi langkah-langkah sebagaimana yang	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
		<p>dinyatakan dalam kod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 13 Akta</p> <p>(b) perincian mengenai apa-apa langkah alternatif selain langkah-langkah yang dinyatakan dalam kod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 13 Akta yang telah diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen, dan justifikasi untuk melaksanakan langkah alternatif itu. Perincian itu hendaklah menunjukkan keberkesanan yang lebih baik dalam mengurangkan risiko pendedahan kepada kandungan memudaratkan, yang disokong dengan keterangan atau penilaian dalaman yang berkaitan</p>	
Garis panduan kepada pengguna			
2.	Kewajipan untuk mengeluarkan garis panduan kepada pengguna sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 14 Akta	(a) perincian garis panduan yang dikeluarkan oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen kepada pengguna yang mengandungi maklumat komprehensif mengenai perkakasan dan pengesetan yang tersedia	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
		<p>dalam perkhidmatan pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen</p> <p>(b) perincian mengenai ketersediaan garis panduan dalam perkhidmatan pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen dan tindakan yang diambil dalam memastikan bahawa garis panduan itu adalah jelas, mudah diakses dan difahami, dan selalu dikemas kini</p> <p>(c) perincian mengenai kaedah yang digunakan atau hendak digunakan oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen untuk menyampaikan kepada pengguna mengenai apa-apa pengemaskinian terhadap garis panduan yang dikeluarkan</p>	
Pengurusan keselamatan dalam talian oleh pengguna			
3.	Kewajipan untuk membolehkan pengguna mengurus keselamatan dalam talian sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 15	(a) perincian mengenai perkakasan dan pengesetan yang tersedia atau untuk dibuat tersedia oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
	Akta	<p>perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen dalam perkhidmatannya, bagi pengguna untuk mengurus keselamatannya dan pendedahannya kepada kategori kandungan, termasuk tetapi tidak terhad kepada saringan, pilihan privasi dan had hubungan, yang kawalan itu adalah perlu dan relevan kepada jenis perkhidmatan dan reka bentuk perkhidmatan, dan justifikasi bahawa perkakasan dan pengesetan itu adalah memadai</p> <p>(b) perincian mengenai pengesetan lalai yang terpakai, khususnya bagi akaun kanak-kanak termasuk pengesetan saringan lalai kepada pilihan penambahbaikan keselamatan yang lebih tinggi seperti penghadan hubungan daripada pengguna yang dikenal pasti sebagai seorang dewasa dan kebolehlihatan akaun, yang bersesuaian</p> <p>(c) perincian mengenai bagaimana pengguna diberi panduan untuk menggunakan perkakasan secara berkesan</p>	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
Mekanisme bagi pelaporan kandungan memudaratkan			
4.	Kewajipan untuk menjadikan mekanisme bagi pelaporan kandungan memudaratkan tersedia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 16 Akta	Perincian mengenai tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen untuk menjadikan suatu mekanisme yang membolehkan pengguna membuat laporan kepada pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen atau pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen itu tersedia dalam perkhidmatannya berkenaan dengan apa-apa kandungan yang dipercayai oleh pengguna itu ialah kandungan memudaratkan yang terdapat dalam perkhidmatan pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen atau pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen itu selaras dengan kod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 13 Akta	
Mekanisme bagi bantuan pengguna			
5.	Kewajipan untuk menjadikan mekanisme bagi bantuan pengguna tersedia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 17 Akta	(a) perincian mengenai mekanisme bagi bantuan pengguna yang tersedia oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen dalam perkhidmatannya, seperti meja bantuan, sembang langsung, Soalan Kerap Tanya (SKT) atau bantuan dalam aplikasi	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
		<p>dalam menguruskan interaksi dalam talian</p> <p>(b) perincian mengenai peningkatan atau penambahbaikan terancang kepada mekanisme bantuan pengguna termasuk ciri-ciri yang bertujuan untuk menambah baik sokongan ketercapaian, gerak balas dan pelbagai bahasa</p> <p>(c) perincian mengenai ketercapaian bagi mekanisme yang disebut dalam perenggan (a) kepada pengguna</p> <p>(d) perincian mengenai tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen untuk memastikan responsif pada setiap masa</p> <p>(e) perincian mengenai kaedah yang diambil untuk memberi panduan kepada pengguna, apabila menggunakan perkhidmatan, kepada mekanisme bantuan yang betul, terutamanya apabila melibatkan ciri-ciri yang boleh menjejaskan keselamatannya,</p>	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
		privasinya atau pendedahannya kepada kandungan seperti menu bantu dan prom	
Perlindungan keselamatan dalam talian pengguna kanak-kanak			
6.	Kewajipan untuk melindungi keselamatan dalam talian pengguna kanak-kanak sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 18 Akta	<p>(a) perincian mengenai tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen dalam mematuhi langkah-langkah yang dinyatakan dalam kod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 18 Akta</p> <p>(b) perincian mengenai apa-apa langkah alternatif selain langkah-langkah yang dinyatakan dalam kod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 18 Akta yang telah diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen, dan justifikasi untuk melaksanakan langkah alternatif itu. Perincian itu hendaklah menunjukkan keberkesanan yang lebih baik dalam memastikan keselamatan penggunaan perkhidmatan pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi</p>	

(1) Bil.	(2) Kewajipan di bawah Bahagian III Akta	(3) Maklumat yang dikehendaki oleh Suruhanjaya	(4) Maklumat pematuhan*
		kandungan berlesen oleh pengguna kanak-kanak, yang disokong dengan keterangan atau penilaian dalaman yang berkaitan	
Mekanisme bagi menjadikan kandungan memudaratkan prioriti tidak dapat diakses			
7.	Kewajipan untuk mengadakan mekanisme bagi menjadikan kandungan memudaratkan prioriti tidak dapat diakses sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 19 Akta	Perincian mengenai tindakan yang diambil oleh pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen untuk mengadakan suatu mekanisme bagi menjadikan kandungan memudaratkan prioriti yang terdapat dalam perkhidmatannya tidak dapat diakses oleh semua pengguna selaras dengan kod yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 13 Akta	

CATATAN:

*Pemberi perkhidmatan aplikasi berlesen dan pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan berlesen hendaklah menyediakan maklumat dalam ruang (3) Bahagian A dan ruang (4) Bahagian B Jadual. Maklumat dalam ruang (4) Bahagian B Jadual hendaklah disediakan sebagaimana yang dikehendaki dalam ruang (3) Bahagian B Jadual.

Dibuat 26 Jun 2026

[KK.PUU.100-1/1/17 (S); PN(PU2)777]

AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
Menteri Komunikasi

ONLINE SAFETY ACT 2025

ONLINE SAFETY (ONLINE SAFETY PLAN) REGULATIONS 2026

IN exercise of the powers conferred by paragraph 81(2)(c) of the Online Safety Act 2025 [Act 866], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Online Safety (Online Safety Plan) Regulations 2026**.

(2) These Regulations come into operation on 1 July 2026.

Period to prepare Online Safety Plan

2. (1) The licensed applications service provider and licensed content applications service provider shall prepare an Online Safety Plan and submit a copy of the Online Safety Plan to the Commission within the period of one hundred and eighty days from the date of commencement of these Regulations.

(2) Notwithstanding subregulation (1), for applications service provider and content applications service provider licensed after the commencement date of these Regulations, the Online Safety Plan shall be prepared and a copy of the Online Safety Plan shall be submitted to the Commission within the period of one hundred and eighty days from the effective date of the licence issued by the Commission.

(3) For the purposes of these Regulations, the licensed applications service provider and licensed content applications service provider shall ensure that the Online Safety Plan prepared under subregulation (1) or (2), as the case may be, is regularly updated and shall submit a copy of the updated Online Safety Plan to the Commission annually, including at any time where there is any material change to their services or compliance duties.

Form and information of the Online Safety Plan

3. The Online Safety Plan referred to in regulation 2 shall be prepared in the form as specified in the Schedule and contain the information as required in column (3) of Part A and column (4) of Part B of the Schedule.

Online Safety officer

4. The licensed applications service provider and licensed content applications service provider shall appoint one or more Online Safety officers to ensure compliance of the Online Safety Plan.

Offence

5. Any licensed applications service provider or licensed content applications service provider who contravenes any provisions of these Regulations commits an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding one million ringgit.

SCHEDULE
[Regulation 3]

ONLINE SAFETY ACT 2005

ONLINE SAFETY (ONLINE SAFETY PLAN) REGULATIONS 2026

ONLINE SAFETY PLAN

Part A: General information of the licensed applications service provider and licensed content applications service provider

(1)	(2)	(3)
No.	Particulars	Information of licensed applications service provider and licensed content applications service provider*
1.	Name of service provider	:
2.	Service provider licence number	:
3.	Effective date of licence	:
4.	Type of service	:
5.	Date of service prepared	:
6.	Date of last update of the Online Safety Plan	:

Part B: Duties of the licensed applications service provider and licensed content applications service provider pursuant to Part III of the Act

(1)	(2)	(3)	(4)
No.	Duties under Part III of the Act	Information required by the Commission	Compliance information*
Risk mitigation of exposure to harmful content			
1.	Duty to implement measures to mitigate risk of exposure to harmful content as provided for under section 13 of the Act	(a) details on the actions undertaken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider in complying with the measures as specified in the code issued by the Commission	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Information required by the Commission	(4) Compliance information*
		<p>under section 13 of the Act</p> <p>(b) details on any alternative measures other than the measures specified in the code issued by the Commission under section 13 of the Act that have been undertaken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider, and justifications for implementing such alternative measures. Such details shall demonstrate better effectiveness in mitigating risks of exposure to harmful content, supported with relevant evidence or internal assessment</p>	
Guidelines to user			
2.	Duty to issue guidelines to user as provided for under section 14 of the Act	(a) details of the guidelines issued by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider to the users containing comprehensive information on tools and settings available on the services of the licensed applications service provider and licensed content applications service provider	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Information required by the Commission	(4) Compliance information*
		<p><i>(b)</i> details on the availability of the guidelines on the services of the licensed applications service provider and licensed content applications service provider and actions undertaken in ensuring that the guidelines are clear, easily accessible and understood, and regularly updated</p> <p><i>(c)</i> details on the method used or to be used by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider to communicate to the users on any updates of the guidelines issued</p>	
Management of online safety by user			
3.	Duty to enable user to manage online safety as provided for under section 15 of the Act	<i>(a)</i> details on the tools and settings made available or to be made available by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider on its service, for users to manage their safety and exposure to the content categories, including but not limited to filters, privacy option and contact limits, where such controls are necessary and relevant to the nature of the service and service design, and	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Information required by the Commission	(4) Compliance information*
		<p>justifications that such tools and settings are sufficient</p> <p><i>(b)</i> details on the default settings applied, particularly for children's accounts including setting default filters to higher safety-enhancing options such as limitation on contact from user identified to be an adult and account visibility, where appropriate</p> <p><i>(c)</i> details on how users are guided to use the tools effectively</p>	
Mechanism for reporting of harmful content			
4.	Duty to make available mechanism for reporting harmful content as provided for under section 16 of the Act	Details on the actions taken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider to make available on their services a mechanism that enable users to make a report to the licensed applications service provider or licensed content applications service provider regarding any content that the users believe is a harmful content available on the service of the licensed applications service provider or licensed content applications service provider consistent with the code issued by the Commission under section 13 of the Act	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Information required by the Commission	(4) Compliance information*
Mechanism for user assistance			
5.	Duty to make available mechanism for user assistance as provided for under section 17 of the Act	<p><i>(a)</i> details on the mechanism for user assistance made available by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider on its service, such as help desk, live chat, Frequently Asked Questions (FAQ) or in-app assistance in managing interactions online</p> <p><i>(b)</i> details on planned enhancements or improvements to the user assistance mechanism including features aimed at improving accessibility, responsiveness and multilingual support</p> <p><i>(c)</i> details on the accessibility of the mechanism referred to in paragraph <i>(a)</i> to users</p> <p><i>(d)</i> details on the actions undertaken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider to ensure response at all times</p> <p><i>(e)</i> details on the method undertaken to guide the users when using the service, to the correct assistance mechanism, especially when involving</p>	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Information required by the Commission	(4) Compliance information*
		features that may affect their safety, privacy or content exposure such as help menus and prompts	
Online safety protection of child user			
6.	Duty to protect online safety of child user as provided for under section 18 of the Act	<p><i>(a)</i> details on the actions undertaken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider in complying with the measures specified in the code issued by the Commission under section 18 of the Act</p> <p><i>(b)</i> details on any alternative measures other than the measures specified in the code issued by the Commission under section 18 of the Act that have been undertaken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider, and justifications for implementing such alternative measures. Such details shall demonstrate better effectiveness in ensuring the safe use of the services of the licensed applications service provider and licensed content applications service provider by child users, supported with</p>	

(1) No.	(2) Duties under Part III of the Act	(3) Information required by the Commission	(4) Compliance information*
		relevant evidence or internal assessment	
Mechanism for making priority harmful content inaccessible			
7.	Duty to establish mechanism for making priority harmful content inaccessible as provided for under section 19 of the Act	Details on the actions undertaken by the licensed applications service provider and licensed content applications service provider to establish a mechanism for making priority harmful content available on their services inaccessible to all users consistent with the code issued by the Commission under section 13 of the Act	

NOTE:

*Licensed applications service provider and licensed content applications service provider shall provide the information in column (3) of Part A and column (4) of Part B of the Schedule. The information in column (4) of Part B of the Schedule shall be provided as required in column (3) of Part B of the Schedule.

Made 26 June 2026

[KK.PUU.100-1/1/17 (S); PN(PU2)777]

AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL
Minister of Communications